

## PEMEROLEHAN SINTAKSIS BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN KANAK-KANAK BERUSIA LIMA TAHUN

*BURHAN MURSHIDI BAHARON*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[burhanmurshidi@gmail.com](mailto:burhanmurshidi@gmail.com)

*KARIM HARUN*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[linguist@ukm.edu.my](mailto:linguist@ukm.edu.my)

*RUSYDIAH A. SALAM*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[deyyasalem910703@gmail.com](mailto:deyyasalem910703@gmail.com)

### ABSTRAK

Bidang pemerolehan bahasa terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pemerolehan sintaksis, pemerolehan semantik dan pemerolehan fonologi. Kajian ini membincangkan aspek pemerolehan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak Melayu dengan menggunakan pendekatan Teori Mentalis. Kajian sebelum ini mendapati bahawa jenis ayat yang paling banyak dipertuturkan oleh kanak-kanak ialah ayat penyata berbanding ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Justeru, kajian ini akan membincangkan pemerolehan aspek sintaksis dengan memberi tumpuan kepada jenis dan pola ayat bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan di Tadika Tunas Permata, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Untuk mendapatkan data pengkaji menggunakan seorang responden, iaitu seorang kanak-kanak perempuan berusia lima tahun yang merupakan penutur natif bahasa Melayu. Data kajian diperolehi melalui aktiviti mewarna dan aktiviti bercerita. Dalam aktiviti bercerita, pengkaji akan menunjukkan sekeping gambar dan meminta responden bercerita berdasarkan gambar tersebut. Manakala dalam aktiviti mewarna, responden diminta bercerita sambil melakukan aktiviti mewarna. Pengkaji menggunakan kaedah rakaman dengan menggunakan telefon pintar. Tahap penguasaan sintaksis kanak-kanak juga akan diukur menggunakan Min Panjang Ujaran (MPU). Hasil kajian mendapati bahawa jenis ayat penyata paling banyak digunakan oleh kanak-kanak semasa usia lima tahun berbanding ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Hal ini bermakna kecenderungan kanak-kanak menghasilkan ayat penyata dan diikuti dengan ayat lain menunjukkan tahap pemerolehan bahasa selari dengan peringkat perkembangan diri kanak-kanak yang berusia lima tahun berdasarkan Teori Mentalis. Kanak-kanak berusia lima tahun ini juga berkebolehan untuk menghasilkan ayat dasar mengikut pola-polanya dan juga ayat majmuk. Penghasilan pola ayat dasar dilihat lebih tinggi berbanding pola ayat majmuk.

**Kata kunci:** kanak-kanak berusia lima tahun; Melayu; pemerolehan bahasa; sintaksis; Teori Mentalis

## **THE ACQUISITION OF MALAY SYNTAX AMONG FIVE YEARS OLD CHILD**

### **ABSTRACT**

The field of language acquisition is categorised into three parts, namely syntactic acquisition, semantic acquisition, and phonological acquisition. This study concentrates on the acquisition of Malay syntax among Malay children using the Mentalist Theory. Previous studies have found that the type of sentences frequently used by children was declarative sentences as opposed to interrogative sentences, exclamatory sentences, and imperative sentences. Thus, this study will discuss the acquisition of syntactic aspects with a focus on the type of sentence and the sentence structure in Malay. This study was conducted at Tadika Tunas Permata, Faculty of Education, The National University of Malaysia, Bangi, Selangor. To obtain data, the researcher interviewed a single respondent, who was a girl, aged five-years-old, and was a native speaker of Malay. Data was obtained through colouring and storytelling activities. In the storytelling activity, the researcher showed a picture and asked the respondent to make up a story based on the picture provided. On the other hand, during the colouring activity, the respondent was asked to tell a story while engaging in the colouring activity. The researcher recorded the activities with the use of a smartphone. The acquisition of Malay syntax was calculated using Mean Length of Utterance (MLU). The results of the study found that the type of sentence habitually used by the child at the age of five-years-old was declarative sentences as compared to imperative sentences, exclamatory sentences, or imperative sentences. This implies that the tendency of children to use declarative sentences followed by other types of sentences indicates the level of language acquisition similar to the level of self-development in five-year-old children based on the Mentalis Theory. Regarding the sentence structure, it was found that the five-year-old child was able to produce both simple and compound sentences. The use of simple sentences was found to be used more than compound sentences.

**Keywords:** child five years; language acquisition; Malays; Mentalis; syntax.

### **PENGENALAN**

Psikolinguistik merupakan sains antardisiplin yang terhasil daripada pencantuman antara dua disiplin, iaitu psikologi dan linguistik. Aitchison (1989) mendefinisikan psikolinguistik sebagai kajian bahasa dan akal budi. Disiplin ini mempunyai tiga bidang tujahan, iaitu; pertama, aspek yang berkaitan dengan pemerolehan pengetahuan bahasa pertama atau bahasa ibunda; kedua, aspek yang berkaitan dengan proses pemahaman input-input bahasa; dan ketiga, aspek yang berkaitan dengan ingatan dan penyimpanan maklumat-maklumat bahasa atau pengetahuan bahasa. Kajian ini akan menumpukan kepada bidang tujahan pertama, iaitu meneliti pemerolehan pengetahuan bahasa pertama. Kajian pemerolehan bahasa meliputi pemerolehan aspek sintaksis, semantik dan fonologi (Mangantar Simanjuntak 2016).

Dalam kajian ini hanya pemerolehan aspek sintaksis yang akan dibincangkan. Kebanyakan kajian pemerolehan bahasa termasuk kajian aspek sintaksis dilihat daripada aliran behavioris dan mentalis. Menurut aliran behavioris penguasaan sistem sintaksis adalah berpunca dari hubungan kanak-kanak dengan penjaga. Penjaga menyesuaikan pertuturan

mereka dengan kanak-kanak agar mudah ditiru. Pandangan behavioris dirumuskan dalam model 'motherese'. Menurut model ini, penjaga sentiasa peka dan mengikuti tahap penguasaan sintaksis kanak-kanak dengan memberikan rangsangan paling sesuai agar penguasaan sintaksis berjalan lancar. Aliran ini berpendapat bahawa penguasaan sistem sintaksis adalah bersifat mekanikal yang berlaku melalui proses peniruan, iaitu melalui proses rangsangan dan gerak balas.

Aliran mentalis menolak pandangan aliran behavioris yang menyatakan keupayaan pemerolehan sintaksis adalah bersifat mekanikal. Mereka melihat pemerolehan bahasa merupakan suatu proses yang sangat kompleks. Mereka menyatakan bahawa kanak-kanak yang lahir ke dunia telah dibekalkan dengan "alat pemerolehan bahasa" atau LAD (*language Acquisition Device*). Aliran mentalis berpendapat bahawa sistem sintaksis kanak-kanak dikuasai menerusi proses penyesuaian. Kanak-kanak akan menyesuaikan sistem sintaksis yang ada pada Nahu sejagat dengan sistem sintaksis bahasa pertama mereka. Oleh itu, fungsi rangsangan bahasa bukanlah untuk proses latihan tubi tetapi untuk proses penyesuaian (Zulkifley Hamid 2006). Dengan kata lain, pemerolehan bahasa jauh lebih sukar berbanding stimulus-respon.

Walaupun kajian pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu sudah banyak dilakukan oleh para pengkaji tetapi kajian yang memberikan tumpuan kepada aspek pemerolehan sintaksis masih kurang. Justeru kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemerolehan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak Melayu yang berusia lima tahun iaitu dari segi kebolehan menghasilkan jenis-jenis ayat bahasa Melayu. Di samping itu, kajian ini juga akan membincangkan struktur dan bentuk pola ayat bahasa Melayu yang boleh dibina dan digunakan oleh kanak-kanak Melayu yang berusia lima tahun.

### **KAJIAN PEMEROLEHAN SINTAKSIS KANAK-KANAK**

Kajian terhadap pemerolehan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak telah banyak dilakukan. Kebanyakan kajian memberi tumpuan terhadap pemerolehan aspek sintaksis tertentu. Kajian Abdul Rasid Jamian (2002) memberi tumpuan terhadap jenis dan binaan sintaksis bahasa Melayu. Subjek kajian beliau terdiri daripada 48 kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar yang berusia lima hingga enam tahun. Seramai 25 orang di Tabika Dato' Ahmad Razali, sebuah tabika di bandar dan seramai 23 orang Tabika Kampung Tasik Tambahan di luar bandar bagi daerah Ampang, Selangor dijadikan sebagai subjek kajian. Bagi mendapatkan maklumat tentang penguasaan sintaksis bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah, kajian ini menggunakan pendekatan secara tinjauan dan temu bual yang menggunakan soal selidik dan temu bual dengan menggunakan gambar sebagai alat rangsangan. Pendekatan data kajian secara kualitatif adalah penghuraian tentang penguasaan sintaksis bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar. Manakala, data kuantitatif pula merangkumi pengiraan berdasarkan taburan frekuensi dan Min Panjang Ujaran (MPU). Kajian ini mendapati bahawa kanak-kanak prasekolah telah menguasai jenis-jenis sintaksis bahasa Melayu dan Min Panjang Ujaran (MPU) ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak di bandar ialah 4.85 perkataan bagi ayat penyata, 4.41 perkataan bagi ayat tanya, 4.18 perkataan bagi ayat seruan dan 4.19 perkataan bagi ayat perintah. Min Panjang Ujaran bagi kanak-kanak di luar bandar pula menunjukkan bahawa 4.40 perkataan bagi ayat penyata, 4.19 perkataan bagi ayat tanya, 4.72 perkataan bagi ayat seruan dan 4.29 perkataan bagi ayat

perintah. Daripada sudut penghasilan binaan ayat pula, dapatan menunjukkan kebanyakan kanak-kanak menghasilkan ayat yang berstrukturkan frasa nama + frasa kerja (FN+FK) dan frasa nama + frasa adjektif (FN+FA).

Kajian pemerolehan morfologi dan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak Melayu pada peringkat menjelang tatabahasa dewasa yang menggunakan Teori Mentalis dilakukan oleh Mhd. Amn Arsyad dan Vijayaletchumy Subramanian (2006). Kajian ini dijalankan terhadap kanak-kanak di sekitar kawasan Sri Serdang. Rasionalnya tempat ini dipilih adalah kerana kanak-kanak di kawasan ini berasal daripada keluarga yang bertutur dalam bahasa Melayu dan kurang dipengaruhi oleh dialek bahasa Melayu kedaerahan dan kenegerian. Melalui kaedah pemerhatian, penyelidik membuat pemerhatian pemerolehan bahasa secara spontan, iaitu ketika kanak-kanak tersebut berinteraksi dengan orang dewasa. Di samping itu, penyelidik juga berbual-bual dan bersoal jawab dengan kanak-kanak tersebut. Bagi merangsang kanak-kanak berinteraksi dengan penyelidik dan kawan-kawannya, bahan-bahan konkrit seperti gambar dan benda-benda di persekitaran kehidupan kanak-kanak telah digunakan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti secara kolaboratif atau bekerjasama dalam interaksi bahasa antara kanak-kanak dengan penjaga dapat menyediakan konteks yang paling sesuai untuk pembelajaran bahasa. Hasil kajian membuktikan bahawa kecekapan kanak-kanak menguasai kata nama adalah berdasarkan pada perkataan yang selalu digunakan di rumah. Kanak hanya akan menggunakan kata yang mudah dan ketara daripada pemerhatian mereka. Kanak-kanak tidak akan menggunakan kata nama yang abstrak sifatnya. Hal ini kerana kanak-kanak hanya dapat mengikuti kata-kata yang dianggap mudah dan senang diikuti oleh mereka. Pemerolehan kata nama kanak-kanak tidaklah berlaku dengan sewenang-wenangnya. Dalam proses pemerolehan ini, kanak-kanak menggunakan strategi pemudahan bagi menggambarkan makna yang telah dikuasai oleh mereka. Namun, bentuk-bentuk ini belum lagi mantap dalam pengetahuan mereka. Pada keseluruhan, kajian ini dapat menggambarkan ciri-ciri umum pertumbuhan dan perkembangan bahasa kanak-kanak Melayu daripada memberikan gambaran tentang pola-pola pertumbuhan imbuhan dan jenis kata dalam bahasa kanak-kanak yang dikaji.

Kajian tentang pemerolehan ayat tanya kanak-kanak pada peringkat umur dua tahun (2+) telah dilakukan oleh Marzalina Mansor (2011). Ini merupakan kajian awal yang bertujuan untuk melaporkan tentang bentuk-bentuk ayat tanya Melayu yang dihasilkan. Kajian ini mendapati kanak-kanak pada peringkat umur ini lebih dominan dengan penggunaan ayat tanya tanpa kata tanya. Sementara penggunaan ayat tanya dengan ganti nama tanya 'apa' dan 'mana' digunakan oleh kanak-kanak dua tahun dengan bentuk dasar dan ada ketika penggunaannya lebih bervariasi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak pada usia dua tahun ini gemar menggunakan ayat tanya tertutup, iaitu pertanyaan dengan menggunakan kata 'boleh'.

Mashudi dan Tan Hock Thye (2002) juga telah melakukan kajian pemerolehan morfologi dan sintaksis awal dalam kalangan kanak-kanak Melayu daripada usia 15-24 bulan. Perbincangan tertumpu ataupun memfokuskan kepada peringkat yang dilalui oleh kanak-kanak seperti ujaran satu suku kata dua kata dan peringkat ujaran tiga kata dan akhirnya ujaran yang melebihi tiga kata. Pada setiap peringkat, sifat utama yang muncul dikatakan ada kaitannya dengan pertumbuhan kognitif kanak-kanak. Pada keseluruhannya, peringkat penguasaan yang mula-mula diperolehi oleh kanak-kanak hanyalah beberapa kata isi iaitu nama, kerja dan sifat yang berkaitan dengan persekitaran kanak-kanak serta yang menarik mereka, kemudian diiringi beberapa kata tugas iaitu merujuk kepada kata penunjuk dan kata depan. Jika dilihat yang amat ketara pada peringkat satu kata ini adalah kerana ketiadaan proses morfologi yang melibatkan proses pengimbuhan, pemajmukan dan pergandaan. Fenomena ini tidak ketara

sehingga kanak-kanak tersebut berusia 24-26 bulan. Ujaran dua kata pula ditinjau dari sudut perlakuan dan struktur. Seterusnya, sudut perlakuan mempunyai dua kemungkinan. Kemungkinan pertama adalah kerana mempunyai maksud sebagaimana yang dinyatakan dan kemungkinan kedua mempunyai maksud yang jauh lebih luas daripada yang diujar terutamanya pada ujaran dua kata yang berjeda. Di samping itu, bagi kes ujaran dua dan tiga kata pula, didapati kanak-kanak yang diuji itu telah mula memperolehi kelas yang meliputi kategori N (nama), K (kerja), S (sifat), Kd (kata depan), Tan (kata tanya), Naf (kata nafi) serta Prt (partikel). Pada beberapa kes, telah juga ada fenomena transformasi. Bagi kes yang melebihi tiga ujaran, dua kanak-kanak mula menunjukkan proses transformasi pengguguran dan penyisipan. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak bersifat inovatif dan kreatif dalam pembinaan rumus.

Selain bahasa Melayu, kajian pemerolehan sintaksis bahasa pertama juga telah dilakukan terhadap bahasa Iban oleh Tay Meng Guat (2006). Dalam kajian ini, subjek kajian ialah seorang kanak-kanak penutur natif bahasa Iban berusia 3 tahun 5 bulan dari kawasan Bahagian Dua-Betong yang tinggal bersama ibu bapa serta seorang adik perempuannya yang berusia setahun. Data yang digunakan untuk analisis kajian ialah data autentik yang diperolehi melalui rakaman audio. Data dianalisis berdasarkan tiga ciri utama aspek sintaksis iaitu panjang ayat, struktur sintaksis dan jumlah ujaran setiap giliran bertutur. Pengiraan Min Panjang Ujaran (MPU) mengikut Brown's Stages of Development digunakan untuk menentukan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak berkenaan. Hasil dapatan analisis MPU terhadap ujaran kanak-kanak yang berusia 3 tahun 5 bulan ialah MPU 2.38 iaitu, satu tahap yang di bawah jangkaan usia kronologinya dalam perkembangan penguasaan bahasa kanak-kanak mengikut *Brown's Stages of Development*. Kanak-kanak ini juga menggunakan pelbagai ayat yang berubah-ubah mengikut situasi dan bergantung kepada fungsi yang hendak disampaikan. Di samping itu, penguasaan bahasa kanak-kanak ini berada pada Fasa Akhir II dan mula beralih ke Fasa Awal III. Ujaran kanak-kanak masih terikat dengan bahasa holofrasa dan telegrafik. Kanak-kanak amat kerap menggunakan ayat eka kata dan dua kata. Seterusnya, frasa nama merupakan ayat minimal yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak tersebut. Akhir sekali, dari segi pengambil giliran, kanak-kanak ini hanya berperanan untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan dalam perbualan tersebut.

Kajian lain juga dilakukan oleh Nina Hyams dan Robyn Orfitelli (2015) yang bertajuk *The Acquisition of Syntax* bertujuan untuk mengenal pasti bagaimana kanak-kanak memperoleh bahasa ibunda mereka. Kajian ini meneliti faktor yang menjadi kebimbangan utama teori linguistik dan Sains kognitif secara umumnya. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat persefahaman yang jelas bahawa manusia secara khususnya dapat menyesuaikan diri dengan pemerolehan sintaksis dan bahawa perkembangan bahasa didorong oleh faktor alam sekitar. Kanak-kanak akan melakukan semua ini dalam tempoh yang sangat singkat berdasarkan keterangan yang agak terhad, tanpa faedah pembetulan, arahan atau maklumat yang jelas mengenai kesalahan tatabahasa dan kebanyakannya daripada apa yang mereka tahu dan tidak telus untuk dipersembahkan ke dalam bahasa orang dewasa yang berada di sekeliling mereka. Masalah pengambilalihan yang terkandung dalam istilah ini sering disebut sebagai masalah bahasa logik.

### **KERANGKA TEORI**

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan teori mentalis. Menurut teori mentalis perkembangan pemerolehan bahasa kanak-kanak dipengaruhi dengan adanya satu alat yang dikenali sebagai *Language Acquisition Device* (LAD). LAD terletak di bahagian kiri belahan otak yang dibawa

sejak lahir dan memungkinkan kanak-kanak memperoleh bahasa ibundanya dengan mudah dan cepat (Ahmad Foaad Hashim, 1983; Mangantar Simanjuntak 2016). Menurut Samsu Yaakob dan Marzuki Nyak Abdullah (1988:21), golongan mentalis berpendapat bahawa kanak-kanak telah dilahirkan dengan *innate capacity* yang membentuk keupayaan berbahasa dan proses pemerolehan bahasa pula bergantung kepada kematangan. Teori Mentalis juga menghubungkan realiti mental dengan lakuan bahasa yang sebenarnya. Oleh itu, sekiranya tidak ada pendedahan, maka pemerolehan bahasa tidak akan berlaku kerana alat atau jentera penguasaan bahasa bahasa tidak mendapat sebarang bahan untuk diproses (Abdullah Hassan, 1983).

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Pengumpulan Data**

Kajian ini menggunakan teknik temu bual, rangsangan gambar dan aktiviti mewarna untuk mendapatkan data. Aktiviti temu bual dengan subjek dijalankan sebanyak dua sesi dan setiap sesi mengambil masa 40 minit. Ketika proses temu bual dijalankan, jika terdapat soalan-soalan berkaitan isu yang ingin dibincangkan, pengkaji akan bertanya kepada responden secara serta merta. Dalam aktiviti bercerita dan mewarna, pengkaji mengajukan lapan keping gambar rangsangan yang digunakan berdasarkan minat kanak-kanak di peringkat ini, iaitu gambar binatang dan gambar permainan. Pengkaji turut mengajukan soalan kepada subjek kajian berdasarkan senarai soalan telah disediakan terlebih dahulu oleh pengkaji. Sesi bagi aktiviti bercerita dan mewarna ini mengambil masa selama 1 jam 30 minit. Semua data ini dirakam dengan menggunakan telefon pintar.

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian ini terdiri daripada seorang kanak-kanak Melayu perempuan berusia lima tahun yang merupakan penutuf natif bahasa Melayu. Subjek kajian merupakan murid di Tadika Tunas Permata, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tadika ini mempunyai kelas mengikut peringkat usia iaitu, 3, 4,5 dan 6 tahun.

### **Penganalisan Data**

Data yang diperoleh dianalisis dan dikategorikan mengikut jenis ayat berlandaskan Tatabahasa Dewan (2010). Pengkaji juga akan menganalisis jenis struktur dan bentuk pola ayat yang boleh dihasilkan oleh responden. Data yang dianalisis juga akan ditentukan tahap pemerolehan sintaksisnya. Min Panjang Ujaran (MPU) digunakan untuk menganalisis ayat-ayat dalam kajian ini sebagai satu kaedah bagi menentukan pemerolehan sintaksis yang terdapat dalam penaksiran MPU Brown (1973). Formula untuk mendapatkan MPU adalah dengan menggunakan jumlah perkataan dalam setiap ujaran dibahagikan dengan jumlah ujaran. Gambar juga boleh disifatkan sebagai bahan rangsangan yang konkrit agar dapat mencetuskan kebolehan mereka untuk mengeluarkan daya ingatan dan membolehkan pengkaji merekodkan serta merakamkan seberapa banyak ayat yang dibina dengan menggunakan telefon pintar.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini akan membincangkan dapatan aspek pemerolehan sintaksis seperti berikut:

- i. Jumlah jenis ayat yang dihasilkan oleh kanak-kaak;
- ii. Binaan ayat kanak-kanak
- iii. Min Panjang Ujaran

## PEMEROLEHAN JENIS AYAT

Kajian ini berjaya mengumpulkan sebanyak 164 ayat yang diujarkan oleh kanak-kanak Melayu berusia 5 tahun. Jenis ayat yang diujarkan oleh kanak-kanak ini terdiri daripada ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Jumlah peratusan pemerolehan jenis ayat ini adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1. Pemerolehan Jenis Ayat Kanak-kanak

Jenis Ayat	Bilangan Ayat (n)	Peratus Ayat (%)
Ayat penyata	128	78
Ayat tanya	19	11.6
Ayat seruan	12	7.3
Ayat perintah	5	3.1
Jumlah Ayat	164	100

Berdasarkan data di atas, ayat penyata paling banyak diujarkan oleh kanak-kanak pada usia 5 tahun. Kecenderungan kanak-kanak mengujarkan ayat penyata dan diikuti dengan ayat tanya menunjukkan tahap pemerolehan bahasa selari dengan peringkat perkembangan diri kanak-kanak yang berusia 5 tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak menggunakan bahasa untuk bercerita dan membincangkan perkara yang ada dalam pengalaman mereka. Dalam masa ini juga, kanak-kanak suka bertanya mengenai sesuatu yang ada di sekitar pengalaman bahasa mereka. Berikut ialah contoh ayat yang diujarkan oleh responden:

### a. Ayat penyata

---

#### Contoh Ayat

---

*Ni gambar kura-kura*  
*Mak dia gulung tilam*  
*Payung jadi rosak*  
*Budak mancing ikan*  
*Kereta rosak*

---

**b. Ayat tanya**

---

**Contoh Ayat**

---

*Ni gambar apa?  
Kenapa dia tak pakai selipar?  
Kenapa orang ni tak pakai baju?”  
Kenapa bas terbabas?  
Kenapa rambut dia putih?*

---

**c. Ayat seru**

---

**Contoh Ayat**

---

*Eh, beratnya kereta ni!  
Wah, tingginya rumah ni!  
Eh, sejuk air ni!  
Aduh, berat kotak ni!  
“Wah, cantiknya baju abang!*

---

**d. Ayat perintah**

---

**Contoh Ayat**

---

*Boleh tolong Aina warnakan ayam  
Jangan conteng meja nanti kotor  
Tolong warnakan laju sikit  
Jangan lari  
Tolong susun kertas ni*

---

**BINAAN AYAT**

Dalam bahasa Melayu, pola ayat dasar dibahagikan kepada empat jenis, dengan berpandu pada jenis-jenis unsur yang hadir sebagai konstituen ayat-ayat itu, iaitu jenis-jenis subjek dan predikatnya. Konstituen subjek pada umumnya diisi oleh frasa nama, sementara konstituen predikat pula diisi oleh empat unsur yang berbeza, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa sendi nama dan frasa adjektif. Jadual 3 menunjukkan empat jenis unsur pengisi konstituen predikat inilah yang menghasilkan empat jenis pola ayat dasar dalam bahasa Melayu iaitu:

JADUAL 2. Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu

Pola	Subjek	Predikat
Pola 1	Frasa nama	Frasa nama
Pola 2	Frasa nama	Frasa kerja



Pola 3	Frasa nama	Frasa adjektif
Pola 4	Frasa nama	Frasa sendi nama

Sumber: Nik Safiah Karim et al. (2010).

Daripada kajian yang dijalankan, didapati bahawa kanak-kanak berusia 5 tahun berkebolehan untuk menghasilkan ayat dasar mengikut pola-polanya dan juga ayat majmuk. Kanak-kanak ini telah menghasilkan sebanyak 149 (90.85%) ayat dasar dan 15 (9.15%) ayat majmuk.

JADUAL 3. Ayat Dasar dan Ayat Majmuk Kanak-Kanak Berusia 5 Tahun

Binaan Ayat	Bilangan Ayat (n)	Peratus Ayat (%)
Ayat dasar	149	90.85
Ayat majmuk	15	9.15
Jumlah Ayat	164	100

Dalam sesi bercerita, pengkaji mendapati bahawa kanak-kanak berusia 5 tahun ini tidak bertutur dan bercerita dalam pola ayat yang mudah-mudah sahaja. Sebaliknya kanak-kanak ini sudah boleh bercerita menggunakan pola ayat yang agak rumit, iaitu ayat majmuk. Berdasarkan Jadual 4 memperlihatkan pemerolehan sintaksis kanak-kanak berusia 5 tahun yang meliputi ayat tunggal dan juga ayat majmuk. Kebolehan kanak-kanak ini tertakluk juga kepada keadaan keluarga kanak-kanak itu, iaitu sama ada keluarga itu tergolong dalam taraf sosioekonomi tinggi, sederhana atau rendah. Menurut Atan Long (1978), kelebihan kanak-kanak daripada keluarga sosioekonomi tinggi ialah kematangan membentuk ayat dan mempunyai struktur ayat yang lebih matang.

Daripada sejumlah ayat kanak-kanak berusia 5 tahun ini, pengkaji mengelaskan ayat-ayat mereka mengikut empat pola ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu. Berikut adalah beberapa ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak tersebut berdasarkan pola-polanya.

**a. Frasa Nama (FN) + Frasa Nama (FN)**

**Contoh Ayat**

*Rabbit tu arnab*

*Ni monyet*

*Ini gasinglah*

*Ni budak lelaki*

*Itu lori*

**b. Frasa Nama (FN) + Frasa Kerja (FK)**

---

**Contoh Ayat**

---

*Dia angkat tangan*  
*Kura-kura menang*  
*Dia guna jarum*  
*Dia jadi rosak*  
*Orang jahit baju*

---

**c. Frasa Nama (FN) + Frasa Adjektif (FA)**

---

**Contoh Ayat**

---

*Pensel ni pendek*  
*Mata hitam*  
*Baju mak merah*  
*Paku merah*  
*Ni pink*

---

**d. Frasa Nama (FN) + Frasa Sendi Naman (FSN)**

---

**Contoh Ayat**

---

*Kura-kura di depan*

---

Sehubungan dengan dapatan penghasilan ayat oleh kanak-kanak berusia 5 tahun berdasarkan pola-polanya, dapat dikatakan bahawa kanak-kanak berupaya menguasai ayat bahasa Melayu berdasarkan hubungan makna dengan konteks situasi yang tertentu.

Pengkaji mendapati bahawa kanak-kanak ini mampu membentuk ayat-ayat majmuk walaupun bilangannya tidak banyak. Ayat-ayat tersebut walaupun tidak mempunyai struktur yang lebih matang tetapi cukup untuk menjelaskan penguasaan sintaksis kanak-kanak berusia 5 tahun dan bersesuaian dengan peringkat usia mereka. Beberapa contoh ayat majmuk adalah seperti berikut:

- a. *Mak dia ikat tali kasut sebab dia tersalah buat*
- b. *Dia nak siram pokok bunga tapi salah siram baju*
- c. *Dia kena tangkap polis sebab curi barang nanti duduk penjara*

### MIN PANJANG UJARAN

Dapatan kajian menunjukkan Min Panjang Ujaran untuk kanak-kanak Melayu adalah sebanyak 4.40 seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 4. Min Panjang Ujaran Kanak-Kanak Melayu Berusia 5 Tahun

Jumlah Ayat	Jumlah Morfem	Min Panjang Ujaran
164	722	4.40

Berdasarkan 164 ayat yang diujarkan oleh kanak-kanak ini, jumlah morfemnya ialah 722. Oleh itu, MPU kanak-kanak ini ialah 4.40. Ini bermakna kanak-kanak ini termasuk dalam Peringkat Akhir V dalam *Brown's Stages of Development* dapatan MPU 4.40 adalah selaras dengan kanak-kanak yang berada dalam jangkaan usia kronologi 41-46 bulan.

Berdasarkan kajian MPU yang dilakukan oleh Brown, terdapat 6 peringkat. Kajian yang pernah dilakukan oleh Bishop dan Adams (Mean Length of Utterance: On-line) mendapati bahawa MPU pada usia 4:5 merupakan satu indikator yang baik untuk membuat jangkaan tentang kebolehan membaca kanak-kanak pada usia 8 tahun. Namun, penggunaan konsep MPU sebagai kayu ukur tentang kecekapan bahasa dalam kalangan kanak-kanak masih menjadi isu yang kontraversial. Justeru, kanak-kanak yang berusia 5 tahun tergolong dalam kategori peringkat ke-6 iaitu MPU sebanyak 4.5 ke atas.

Usia bagi kanak-kanak yang berusia 5 tahun iaitu 60 bulan menunjukkan perbezaan MPU ayat penyata dengan ayat seruan yang ketara. Ini menunjukkan kanak-kanak menghasilkan ayat seruan untuk menegaskan sesuatu perkara atau hal. Berdasarkan perkara ini menunjukkan bahawa kanak-kanak akan cenderung untuk bertanyakan sesuatu perkara yang tidak diketahui untuk mengetahuinya secara lebih lanjut. Min yang paling tinggi ditunjukkan untuk kategori ayat penyata iaitu sebanyak 4.40 yang mana akan menerangkan semakin tinggi MPU seseorang kanak-kanak maka dijangkakan semakin tinggilah kecekapan berbahasa kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun, pengiraan MPU bukanlah penentu mutlak untuk mengukur perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak.

Manakala berdasarkan dapatan yang diperolehi dengan menggunakan Min Panjang Ujaran didapati bahawa kanak-kanak berusia 5 tahun keupayaan kanak-kanak menghasilkan ujaran adalah berdasarkan pengalaman dan faktor pendedahan dan rangsangan. Kanak-kanak dapat mengujarkan ayat penyata dengan lebih panjang untuk menceritakan hal atau perkara yang mereka ketahui. Begitu juga dengan ayat tanya dan ayat perintah, iaitu kanak-kanak berupaya menimbulkan persoalan dan permintaan untuk mengetahui sesuatu perkara itu dengan lebih jelas dan difahami. Jika dilihat ayat seruan pula, kanak-kanak lebih berkeupayaan untuk menghasilkannya kerana mereka gemar melahirkan perasaan kehairanan dan ketakutan dalam menghadapi situasi atau perkara-perkara yang menakutkan.

### PERBINCANGAN

Dengan menggunakan Teori Mentalis, pengkaji ingin mengenal pasti sama ada semua kanak-kanak yang normal akan dapat memperoleh bahasa sekiranya diberi pendedahan

kepada bahasa ibundanya. Jika perkara ini sama, maka hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa responden telah berjaya menuturkan empat jenis pola ayat iaitu, ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah akan menjadi sama. Ini juga diperkukuhkan melalui kenyataan yang dibuat oleh Mangantar Simanjuntak (2016) yang menyatakan bahawa struktur bahasa sangat rumit atau kompleks dan bersifat sejagat, tetapi dapat diperoleh oleh semua kanak-kanak dalam masa yang amat singkat, iaitu lebih kurang dalam tempoh 3 hingga 4 tahun. Justeru, proses pemerolehan bahasa semua kanak-kanak di dunia ini adalah mengikut jadual semula jadi yang berlaku seiring dengan proses kematangan kanak-kanak tersebut. Hal ini diperkukuhkan lagi melalui pendapat Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2010) yang menyatakan bahawa leksikon sebagai satu unsur yang pintar dan bersifat ekonomikal. Leksikon yang kecil itu tidak boleh menyimpan begitu banyak perkataan sekali gus. Justeru, kebolehan manusia yang boleh membentuk ayat yang infinit. Oleh yang demikian, manusia pasti mempunyai rumus yang finit untuk disimpan di dalam leksikon. Rumus itu kemudiannya bertindak menghasilkan ayat yang infinit. Oleh yang demikian, leksikon perlu mempunyai satu unsur atau rumus yang bersifat ekonomikal.

Kajian ini memperlihatkan bahawa sememangnya kanak-kanak berusia lima tahun sudah menguasai jenis ayat bahasa Melayu, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Jenis ayat yang paling banyak dituturkan ialah ayat penyata berbanding dengan jenis ayat lain seperti dengan dapatan hasil kajian yang ditunjukkan oleh pengkaji lepas. Keadaan ini berlaku kerana dalam tempoh usia lima tahun tersebut kanak-kanak paling mudah menguasai ayat penyata dalam komunikasinya untuk tujuan memberi keterangan tentang sesuatu hal atau untuk menyampaikan maksudnya (Nik Safiah Karim 2010). Berdasarkan perkembangan kognitif pula kanak-kanak pada usia ini memang lebih cenderung menzahirkan sesuatu berdasarkan apa-apa yang dilihat melalui pancaindera dan seterusnya bertanya tentang sesuatu perkara itu secara langsung. Keadaan ini juga dapat ditegaskan lagi dengan pendapat oleh Steinberg (1995) yang menyatakan bahawa pada tahap tadika tersebut iaitu sekitar lima tahun, kanak-kanak sudah boleh menguasai tahap tatabahasa penuh. Oleh itu, tidak hairanlah jika kanak-kanak berusia lima tahun tersebut berkebolehan untuk menghasilkan ayat bahasa Melayu terutamanya dalam aspek ayat penyata dan ayat tanya dengan lebih mudah berbanding dengan penguasaan ayat seruan dan ayat perintah.

Walaupun, kanak-kanak berusia lima tahun ini boleh menguasai ayat perintah, tetapi bilangannya tidaklah sebegitu banyak jika hendak dibandingkan dengan ayat-ayat lain. Hal ini demikian kerana ayat perintah adalah ayat untuk merujuk mengarah sesuatu ataupun ingin meminta sesuatu daripada orang lain. Situasi ini turut dapat dipaparkan dalam kajian yang dilakukan oleh Tay Meng Guat (2006) terhadap pemerolehan bahasa Iban sebagai bahasa pertama. Hal ini demikian kerana dilihat subjek kajiannya menggunakan pelbagai ayat yang berubah-ubah mengikut situasi dan bergantung kepada fungsi yang hendak disampaikan. Penggunaan pelbagai ayat ini memang sesuai dengan fungsi bahasa sebagai alat komunikasi untuk pelbagai tujuan. Di samping itu, ayat-ayat yang diujarkan oleh subjek kajian itu juga dapat dianalisis dengan menggunakan ciri-ciri pola ayat orang dewasa yang menuturkan bahasa Melayu.

Kanak-kanak pada usia ini juga telah menguasai kepelbagaian struktur dan bentuk ayat. Dengan kata lain, ayat yang dibina bukan sahaja struktur ayat yang menggunakan pola frasa nama + frasa kerja (FN+FK) dan frasa nama + frasa adjektif (FN+ FA) sahaja. Namun begitu, terdapat juga penghasilan struktur ayat yang menggunakan pola frasa nama + frasa kerja (FN+ FK) yang kerap.

Dalam kajian ini responden kajian sudah boleh menggunakan ataupun menghasilkan ayat berdasarkan dua lagi pola bahasa Melayu, iaitu pola ayat yang berstrukturkan frasa nama + frasa nama (FN + FN) dan berstrukturkan frasa nama + frasa sendi nama (FN + FSN). Hal ini seiring dengan jumlah pola ayat dasar bahasa Melayu itu sendiri yang boleh dibahagikan

kepada empat jenis dengan berpandukan jenis-jenis unsur yang hadir sebagai konstituen ayat-ayat itu, iaitu jenis-jenis subjek dan predikatnya. Konstituen subjek pada kesemua ayat umumnya diisi oleh frasa nama, manakala konstituen predikatnya pula diisi oleh empat unsur yang berbeza, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa sendi nama dan frasa adjektif.

Kajian ini juga mendapati responden kajian telah mula mampu menghasilkan ayat majmuk. Responden kajian sudah mampu menghasilkan bentuk ayat majmuk walaupun bilangannya hanya sedikit dan tidak sebanyak serta sekerap penghasilan ayat dasar. Menurut Steinberg (1995), penghasilan ayat bentuk majmuk dan kompleks itu merupakan tahap ataupun peringkat perkembangan penguasaan yang paling terakhir. Di samping itu, perbezaan kajian ini dengan kajian yang dilakukan oleh beliau juga adalah berkaitan dengan jumlah penglibatan subjek kajian dan kawasan kajian. Kajian ini hanya berfokus kepada seorang pelajar dan sebuah tadika sahaja berbanding kajian yang dijalankan oleh beliau menggunakan jumlah pelajar yang ramai dan kawasan tadika yang berbeza, iaitu tadika di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar sebagai subjek kajiannya. Pada pandangan pengkaji, keadaan ini telah menyumbang ketidakutuhan dan ketidakstabilan dari segi pemerolehan data kajian beliau kerana telah melibatkan unsur sosioekonomi.

Justeru berdasarkan hasil dapatan kajian yang dibuat, maka dapat dibuktikan bahawa sememangnya pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah selaras dalam jangkaan usia kronologi 41-46 bulan. Walau bagaimanapun, kadang kala aspek ini boleh melangkaui jangkaan usia tersebut kerana ianya seiring dengan perkembangan kehidupan semasa kanak-kanak tersebut dan ianya merupakan proses secara semulajadi, misalnya dalam penghasilan bentuk ayat majmuk tersebut. Pengkaji mencadangkan agar lebih banyak penelitian dibuat oleh pengkaji akan datang mengenai aspek pemerolehan bahasa kanak-kanak ini tidak kira dalam bentuk bahasa Melayu standard ataupun dialek Melayu lain memandangkan aspek ini merupakan salah satu pecahan kajian linguistik Melayu.

### **KESIMPULAN**

Berdasarkan data-data yang dikemukakan dan dihuraikan dengan terperinci, maka dapatlah ditunjukkan bahawa kanak-kanak Melayu berusia lima tahun paling kerap menggunakan ayat penyata, diikuti oleh ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Manakala, dari segi binaan ayat pula, kanak-kanak ini lebih kerap membina ayat dasar berbanding ayat majmuk. Manakala, Min Panjang Ujaran (MPU) kanak-kanak ini ialah 4.40. Ini bermakna kanak-kanak ini termasuk dalam Peringkat Akhir V dalam *Brown's Stages of Development* dapatan MPU 4.40. Kajian ini memperlihatkan bahawa LAD amat berperanan dalam proses pemerolehan sintaksis kanak-kanak.

Tuntasnya, dapatan kajian didapati menyokong pendapat aliran mentalis yang mengatakan bahawa perkembangan penguasaan bahasa kanak-kanak tersebut dipengaruhi dengan adanya satu alat di dalam minda sejak lahir lagi ataupun semula jadi. Hal ini bertepatan dengan Teori Mentalis yang menghuraikan bahawa wujudnya satu alat yang dikenali sebagai Language Acquisition Device (LAD) dalam kanak-kanak.

**RUJUKAN**

- Abdul Rasid Jamian. 2002. Penguasaan dan Pemerolehan Sintaksis Bahasa Melayu di Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Abdullah Hassan. 1983. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ahmed Hafizainol Ahmed Idris, and Karim Harun. 2020. Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Pondok Bantan Thailand. *Jurnal Melayu*, Isu (Khas), 457-477.
- Aitchison, Jean. 1989. *The Articulate Mammal*. London: Routledge.
- Asmah Hj. Omar. 1985. Bentuk Bahasa Kanak-Kanak Melayu. *Dewan Bahasa* 23 (9), 681-695.
- Asmah Hj. Omar. 1992. *Kajian dan Perkembangan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. 1978. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, R. 1973. *A First Language. The Early Stages*. London. Allens and Unwin.
- Chomsky, N. 1959. *A Review of B.F. Skinner's Verbal Behavior Language*, 35,26-58.
- Chomsky, N. 1965. *Aspects of The Theory of Syntax*. Cambridge Mass. MIT Press.
- Chomsky, N. 1969. *Language and Mind*. New York. Harcourt, Brace and World Inc.
- Clark & Clark. 1977. *An Introduction to Linguistics*. Harcourt. Brace Jovanovich Inc.
- Dale, Edgar. 1969. *Audio-Visual Methods in Teaching 3rd ed*. New York. Holt, Rinehart and Winston.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2010. Noam Chomsky dan Sintaksis Bahasa Melayu. *Jurnal Kesturi*, 20 (1), 28-47.
- Karim Harun, Khairulanuar Ismail Lokman Abd.Wahid Zawahir Ismail Azhar Md. Sabil. 2018. Membina Kerangka Standard Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia. *Jurnal Melayu*,17(2), 241-254.
- Kartini Abd. Wahab. 2020. Teori sintaksis Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 19 (2), 352-356.
- Mangantar Simanjuntak. 1978. *Pengantar Psikolinguistik: Beberapa Topik Penting*. Bangi. Penerbit UKM.
- Mangantar Simanjuntak. 1982. *Aspek Bahasa dan Pengajaran*. Kuala Lumpur. Saujana Enterprise.
- Mangantar Simanjuntak. 2016. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak. 1990. Pertumbuhan dan Perkembangan bahasa Kanak-Kanak. *Dewan Bahasa*, 34(9), 692-703.
- Marzalina Mansor. 2011. Ayat Tanya Kanak-Kanak Berusia 2 Tahun: Satu Tinjauan Kanak-Kanak, *Jurnal Melayu*, 8, 189-206.
- Marzalina Mansor dan Nor Hasimah Ismail. 2017. Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Melayu Berdasarkan Role Reversal Imitation. *Journal of Human Development and Communication*, 6, 1-9.
- Mashudi Kader & Tan Hock Thye. 2002. Pemerolehan morfologi dan sintaksis kanak-kanak Melayu. *Jurnal Bahasa*, 2 (2),352 - 373.
- Mhd. Amn Arsyad dan Vijayaletchumy Subramanian. 2006. Pemerolehan Morfologi dan Sintaksis Dalam Kalangan Kanak-Kanak Melayu Pada Peringkat Menjelang Tatabahasa Dewasa. *Jurnal Bahasa*, 6 (4), 581-609.

- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood (2010). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor. 2002. Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Melayu: Satu Kajian Kes. *Jurnal Bahasa*, 2(4), 465-489.
- Piaget. 1959. *The Language and Thought of The Child*. London. Routledge and Kegan Paul.
- Steinberg. 1993. *An Introduction to Psycholinguistics*. London. Longman.
- Steinberg. 1995. *Ilmu Akal Budi dan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steinberg. 1995. *Learning about Language an Introduction Psycholinguistics*. London. Longman.
- Tay Meng Guat. 2006. Pemerolehan Bahasa kanak-kanak: Satu Analisis Sintaksis. *Jurnal Penyelidikan*, 7, 87-108.
- Vijayaletchumy A/P Subramaniam. 2005. Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Berasaskan Teori Pemerolehan Bahasa Oleh Steinberg (1995). *Jurnal Bahasa*, 2 (3),352-373).
- Wan Mohd. Madehi Wan Ali. 1998. Perbandingan Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Melayu dan Kanak-kanak Iban Dari Aspek Sintaksis dan Semantik: Satu Kajian Kes.Tesis Sarjana. Universiti Malaya
- Zulkifley Hamid. 1990. Hipotesis Nurani dan Pemerolehan Bahasa. *Jurnal Akademika*, 36 (1), 125-138.
- Zulkifley Hamid. 1990. Penguasaan bahasa: Huraian Paradigma Mentalis dan Behavioris. *Dewan Bahasa*, 34(5), 225-332.
- Zulkifley Hamid. 1994. *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid.2006. *Aplikasi Psikolinguistik*. Kuala Lumpur.PTS Profesional Publishing

**Biodata Penulis:**

**Burhan Murshidi Baharon** adalah pelajar sarjana yang menekuni bidang psikolinguistik.

**Karim Harun** adalah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Sejarah Linguistik, Psikolinguistik, dan Leksikografi.

**Rusydiah A. Salam** adalah pelajar sarjana yang menekuni bidang sintaksis.